

Saya hadir majlis bagi menghormati PM — Nik Aziz

UM 15 SEP 2003

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat hari ini menjelaskan kehadiran ke perasmian Jambatan Tendong-Wakaf Che Yeh, Pasir Mas bernilai RM166 juta esok adalah bagi menghormati Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Sebagai orang yang mengetuai sebuah kerajaan negeri Nik Aziz berkata, beliau perlu ada bersama Perdana Menteri ke perasmian yang akan disempurnakan oleh Sultan Kelantan.

“Mungkin ada di antara saudara-saudara yang merasa terkilan kenapa saya harus pergi ke majlis berkenaan kerana berpendapat kita sedang melawan UMNO oleh itu buat apa ke majlis dia.

“Tetapi kita harus ingat bahawa Islam mengajar kita supaya berdakwah secara berhemah, kita perlu menghormati seorang yang dihormati dalam satu masyarakat, oleh itu Perdana Menteri kita harus kita hormati,” katanya.

Nik Aziz berkata demi-

kian ketika menyampaikan ucapan penangguhan di Muktamar Pas ke-49 di sini hari ini.

Beliau membuat penjelasan itu, selepas Pengerusi Tetap muktamar, Abu Kassim Abdullah mengumumkan bahawa Menteri Besar Kelantan itu terpaksa pulang awal ke Kota Bharu bagi membuat persiapan lawatan Perdana Menteri ke negeri berkenaan esok.

Nik Aziz menjelaskan, Rasulullah s.a.w sendiri ketika mengutus surat kepada Raja Parsi dan

Raja Rom menggunakan panggilan yang baik walaupun kedua-dua raja itu bukan beragama Islam.

Sambil berseloroh Nik Aziz berkata, “dalam keadaan Kelantan (diperintah oleh Pas) pun projek dilaksanakan juga jadi buat apa sibuk nak undi UMNO.”

Kali terakhir Nik Aziz hadir dalam majlis melibatkan Perdana Menteri ialah pada pelancaran Amanah Saham Didik, Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Kota Bharu, April 2001.